

mercutanda

Meja dan kerusi di atas kepala

Seorang usahawan mencetus fenomena pelancongan terbaharu di Tuaran, Sabah dengan membina sebuah kediaman yang diberi nama Rumah Terbalik.

KOSMO 26/4/12 MS 36

SEJAK sekian lama, Sabah begitu sinonim dengan Gunung Kinabalu yang menjadi tarikan kepada ribuan pencinta alam semula jadi dan penggemar aktiviti lasak dari dalam dan luar negara.

Selain banyak lagi tarikan alam yang mewarnai dunia pelancongannya, pelancong kini mempunyai alasan lain untuk melawat ke negeri yang terkenal dengan jolokan Negeri Di Bawah Bayu itu.

Rumah Terbalik. Mungkin ia kedengaran seperti tidak masuk akal, namun itulah keistimewaan sebuah binaan rumah yang terletak di Batu 21, Jalan Berungis - Tamparuli itu.

Di atas lakaran pelan, Rumah Terbalik kelihatan seperti kediaman biasa dilengkapi dua bilik tidur, satu ruang tamu, satu ruang makan, satu beranda, ruang dapur dan tandas.

Bezanya semua itu dibina secara terbalik iaitu dengan keadaan bumbung di bawah dan lantainya di atas.

Diiktiraf sebagai rumah terbalik pertama di negara ini, binaan yang ber-



SELESAI melawat Rumah Terbalik, para pengunjung boleh singgah sebentar ke kedai cenderamata ini untuk membawa pulang oleh-oleh.



RASA pelik dan kagum bersatu ketika melawat bahagian-bahagian khas di dalam Rumah Terbalik.

...na di negara ini, binaan yang ber-
keluasan 140 meter persegi itu dibina
dengan kos sebanyak RM520,000 oleh
usahawan Alexander Yee, yang mengu-
sahkan sebuah penginapan pelancongan
di Sukau, di sebelah pantai timur Sabah.

Pembinaannya mengambil masa ham-
pir enam bulan dan melibatkan penyus-
unan struktur bumbung, dinding dan
lantai yang diperkukuhkan dengan hias-
an dalaman inspirasi masyarakat etnik
Sino-Dusun dan Dusun.

Sebaik tiba di hadapan rumah, pengun-
jung pastinya tertarik apabila melihat gar-
raj kereta yang menempatkan sebuah
kereta Kancil dalam keadaan terbalik.

Jika itu belum membuatkan anda be-
rasa kagum, apa kata jengah pula ke
bahagian dalam rumah.

Simbol budaya

Sebelum itu, jangan lupa untuk me-
malu gong yang diletakkan di pintu
masuk dan memberi salam sebagai sim-
bol budaya masyarakat di negeri itu.

Sebaik sahaja melangkah ke ruang
tamu, jangan terkejut kerana anda akan
mendapati letak atur sofa, meja makan,
rak buku, mesin jahit dan sebagainya
yang seolah-olah tergantung di ruang
siling.

Begitu juga tatkala menjengah ke ba-
ghagian dapur yang menempatkan peti
sejuk, dapur memasak dan pe-
riuk nasi - semuanya
berada dalam posisi
yang sama manakala
lampu dan kipas siling

berada di lantai tempat anda berpijak.
Seperti berada di alam mimpi, semua
itu adalah realiti yang bakal dilihat tat-
kala berkunjung ke situ. Menariknya,
kesemua peralatan itu adalah asli dan
bukannya replika.

Diiktiraf rumah terbalik pertama di
Malaysia oleh *Malaysia Book of Records*,
ikon pelancongan terbaharu di Sabah itu
diuruskan oleh Trekkers Lodge Sdn.
Bhd.

Selain tarikan Rumah Terbalik, pe-
ngunjung juga boleh membeli-belah di
Tamu, sebuah gerai cenderamata yang
terletak berhampiran.

Jika perut berasa lapar, ambil masa
untuk berehat seketika sambil menik-
mati kepelbagaian makanan dan mi-
numan yang disediakan di Kedai Kopi.

Apa tunggu lagi? Segeralah berkun-
jung ke Rumah Terbalik untuk mengisi
masa pada hujung minggu ini.

info

Rumah Terbalik

- Mula dibuka kepada orang ramai pada 1 Januari 2012
- Terletak berhampiran kawasan pelancongan popular seperti Taman Negara Kinabalu, Kolam Air Panas Poring dan Sungai Kiulu
- Mempunyai kemudahan tandas awam, gerai cenderamata dan kafe.
- Dibuka dari pukul 8 pagi hingga 8 malam
- Tiket pelancong luar- RM18, pelancong tempatan RM10, Kanak-kanak RM5
- Maklumat lanjut layari www.upsidedownhouse.com.my



KERETA Kancil yang berada dalam kedudukan terbalik dan tergantung ini pasti membuatkan pengunjung berasa teruja untuk meneroka keseluruhan kawasan Rumah Terbalik.



PUAS meneroka isi Rumah Terbalik, pengunjung boleh menghilangkan dahaga di kedai kopi ini.